

18 NOV 1997

Mahathir-Perkongsian

PERKONGSIAN PINTAR SEMAKIN POPULAR

KUALA LUMPUR, 18 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini konsep perkongsian pintar yang diberi penekanan oleh Malaysia kini semakin popular di selatan Afrika dan Caribbean selain di negara-negara di rantau Asia Tenggara.

Perdana Menteri berkata konsep itu diterima ramai kerana ia memberi penekanan kepada aspek keadilan untuk semua pihak.

"Dalam perkongsian pintar, kedua-dua pihak seharusnya memperolehi keuntungan yang sewajarnya," kata Dr Mahathir ketika melancarkan kempen "satu kampung satu produk" dan Galakan Pelancongan Daerah Oita 1997 di pusat beli-belah The Mall di sini hari ini.

Acara itu dianjurkan bersempena Pesta Pelancongan dan Keistimewaan Produk Daerah Oita.

Dr Mahathir berkata beliau gembira mendapati Sidang Kemuncak Pertukaran Serantau Asia-Kyushu di Langkawi minggu lepas telah mencapai kejayaan dalam melahirkan pemahaman baru mengenai perkongsian.

"Kita ingin mewujudkan perkongsian pintar," katanya.

Dr Mahathir memuji Gabenor Oita Morihiko Hiramatsu kerana membangkitkan konsep perkongsian pintar sebelum itu dalam ucapannya pada pembukaan pesta itu.

Dr Mahathir berkata terdapat pelbagai jenis perkongsian "dan kadang-kala satu pihak mendapat keuntungan yang lebih daripada pihak yang satu lagi."

Ketika menyentuh konsep "satu kampung satu produk" yang diperkenalkan di Kedah selepas lawatannya ke Oita pada 1989, Dr Mahathir berkata program itu telah berjaya dan dapat membantu meningkatkan pendapatan penduduk kampung di negeri itu.

Konsep itu juga telah dikembangkan ke bahagian-bahagian lain di Malaysia ekoran kejayaan pelaksanaannya di Kedah.

Dr Mahathir berharap orang ramai akan melawat pameran yang diadakan itu untuk mengetahui cara-cara bagi memajukan hasil keluaran kampung.

Yang turut hadir ialah isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Speaker Dewan Rakyat Tan Sri Zahir Ismail.

-- BERNAMA

ES NMO